

11 FEB 1998

Kelantan-NEAC

KELANTAN UMUM SENARAI ANGGOTA NEAC PERINGKAT NEGERI

KOTA BAHARU, 11 Feb (Bernama) -- Kerajaan Kelantan hari ini mengumumkan senarai 31 orang anggota Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) peringkat negeri terdiri ahli politik, wakil pengguna, ahli akademik dan korporat, serta seorang wakil wanita.

Timbalan Menteri Besar Kelantan Abdul Halim Abdul Rahman yang mempengerusikan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri hari ini berkata Exco telah mengesahkan pelantikan anggota NEAC negeri itu, dengan Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai pengerusi.

Antara mereka yang dipilih menganggotai majlis itu ialah Anggota Exco Kelantan, Ketua Pembangkang di Dewan Undangan Negeri Kelantan dari Barisan Nasional Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, Pengerusi Eksekutif Mara Holdings Datuk Nadzmi Salleh, Presiden Dewan Perniagaan Negeri daripada tiga kaum, Pensyarah Fakulti Universiti Malaya di sini Prof Madya Dr Rogayah Mohamad yang juga wakil tunggal wanita, wakil Persatuan Bank Kelantan serta beberapa pengarah jabatan dan agensi kerajaan negeri.

Awal bulan lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata NEAC peringkat negeri turut ditubuhkan dengan Ketua Menteri dan Menteri Besar masing-masing dilantik menjadi pengerusinya.

NEAC peringkat negeri selain berperanan menyelesaikan masalah ke peringkat akar umbi, juga akan memastikan urusan perniagaan dalam negara berjalan dengan baik tanpa gangguan birokrasi.

NEAC peringkat pusat dipengerusikan oleh Dr Mahathir sendiri manakala Pengarah Eksekutifnya ialah Tun Daim Zainuddin.

Abdul Halim yang juga Timbalan Pengerusi NEAC Kelantan berkata NEAC negeri akan berusaha untuk mempertingkatkan kegiatan ekonomi di Kelantan antaranya dengan membangunkan tanah-tanah terbiar serta mengutamakan sektor pertanian di negeri itu.

"Kita juga bersetuju untuk menerima pakai kesemua prosedur penubuhan NEAC peringkat negeri seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan pusat," katanya.

Nik Aziz tidak mempengerusikan mesyuarat Exco hari ini kerana beliau berlepas ke Australia bagi mengetuai delegasi pelaburan kerajaan negeri ke New South Wales selama seminggu. -- BERNAMA

RAR MAI